

# UNSUR EMOSI DALAM NOVEL *CUKUP DERITA ITU* KARYA SITI ROSMIZAH SEMAIL

*(Emotional Elements in Cukup Derita Itu by Siti Rosmizah Semail)*

Azean Idruwani Idrus<sup>1</sup>  
azeanidruwaniidrus@iiium.edu.my

Asma Nur Husna Abdull Asik<sup>2</sup>  
asmanurhusna1999@gmail.com

Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Hab Pagoh Edu, KM 1, Jalan Panchor, 84600, Pagoh, Muar, Johor, Malaysia.<sup>1 & 2</sup>

Corresponding author (*Pengarang koresponden*):<sup>1</sup>

To cite this article (*Rujukan makalah ini*): Azean Idruwani Idrus & Asma Nur Husna Abdull Asik. (2023). Unsur emosi dalam novel *Cukup Derita Itu* karya Siti Rosmizah Semail. *Malay Literature*, 36(2), 313–332. [https://doi.org/10.37052/ml36\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/ml36(2)no7)

Received: Peroleh:	15/6/2023	Revised: Semakan	5/10/2023	Accepted: Terima:	8/10/2023	Published online: Terbit dalam talian:	31/10/2023
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	------------

## Abstrak

Dalam penghasilan sesebuah karya sastera, pengarang ghalibnya menggunakan unsur emosi sebagai medium utama untuk menyampaikan mesej, idea dan pandangan dunia tentang penulisannya. Emosi yang terdapat dalam diri manusia merupakan unsur naluri semula jadi manusia yang dikurniakan oleh Allah SWT. Unsur emosi ini berfungsi dan bertindak dalam fikiran pembaca apabila membaca sesebuah karya sastera. Rentetan itu, kajian ini memfokuskan unsur emosi yang terdapat pada watak dalam novel *Cukup Derita Itu* karya Siti Rosmizah Semail dengan mengaplikasikan teori rasa-fenomenologi oleh Sohaimi Abdul Aziz (1998) untuk menyokong kritikan dan analisis teks dengan lebih tersusun. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini bersifat kualitatif di bawah analisis deskriptif berpusatkan teks. Hasil analisis mendapati terdapat tiga unsur emosi yang diketengahkan

dalam novel *Cukup Derita Itu*, iaitu emosi duka, berahi dan benci yang memberikan kesan pada watak. Emosi-emosi ini muncul akibat peristiwa yang dialami oleh watak. Implikasi daripada kajian ini merumuskan emosi duka, berahi dan benci yang tidak terkawal mampu mengubah tingkah laku seseorang. Kajian juga menunjukkan bahawa emosi merupakan sesuatu yang kompleks kerana perwatakan luaran seseorang tidak semestinya mencerminkan emosi yang sedang dialaminya.

Kata kunci: Unsur, emosi, teori rasa-fenomenologi, novel, *Cukup Derita Itu*, sastera Melayu

### ***Abstract***

*In a production of a literary work, an author normally uses emotional elements as the main medium to convey messages, ideas and worldviews about his or her writing. Emotions that exist in human beings are elements of their natural instincts that are gifted by Allah SWT. These emotional elements function and act in the reader's mind when he or she is reading a literary work. Following that, this study focuses on the emotional elements found in the characters in the novel Cukup Derita Itu by Siti Rosmizah Semail by applying the sense-phenomenology theory by Sohaimi Abdul Aziz (1998) to support the criticism and analysis of the text in a structured manner. The method used in this study is qualitative in the form of text-centred descriptive analysis. The results of the analysis found that there are three emotional elements that are highlighted in Cukup Derita Itu, namely the emotions of grief, lust and hatred that affect the characters. These emotions appear because of the events experienced by the characters. The implications of this study summarize that the emotions of grief, lust and uncontrollable hatred can change a person's behaviour. The study also shows that emotions are complex because a person's external characteristics do not necessarily reflect the emotions he or she is experiencing.*

*Keywords: Element, emotions, sense-phenomenological theory, novel, Cukup Derita Itu, Malay literature*

## **PENGENALAN**

Novel merupakan salah satu karya sastera yang panjang dan kompleks serta merangkumi pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Melalui novel,

pengarang mampu mengekspresikan diri dan fikirannya, sama ada dalam suatu cerita yang bersifat fiksiyen ataupun cerita yang sifatnya didasarkan pada kisah nyata (Jandra, 2010). Hubungan antara masyarakat dengan alam sekitar sangat erat dan saling melengkapi (Laurenson dan Swingerwoods, 1973). Sehubungan dengan itu, karya sastera tercipta bermotifkan sumber yang terdapat di persekitaran, sama ada persoalan, masalah atau fenomena tertentu yang dipindahkan daripada layar realiti kepada minat, kreativiti dan pemikiran pengarang (Mohd Ruslee, 2012). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa novel merupakan penceritaan tentang watak dan perlakuan watak yang diolah dan disesuaikan oleh pengarang. Elemen pengalaman peribadi, realiti rencaman hidup manusia dengan pelbagai masalah dan konflik ditonjolkan dalam watak mengikut kreativiti imaginasi pengarang. Novel juga dianggap sebagai sebuah dokumentasi sosial yang bukan sahaja mengandungi susunan bahasa yang indah tetapi juga mengandungi unsur intrinsik dan ekstrinsik bagi memahami karya tersebut.

Pemikiran yang terungkap dalam karya sastera merupakan luahan atau kesedaran yang timbul akibat kepekaan, keprihatinan serta pengalaman peribadi pengarang dalam melihat dunia dan masyarakat daripada kaca matanya. Penghasilan karya sastera ini memerlukan kemahiran kerana bidang ini sentiasa berkembang dari semasa ke semasa, sesuai dengan perubahan pemikiran manusia, teknologi dan gaya kreativiti manusia di samping melibatkan teknik dan unsur sastera.

Teknik dan unsur sastera amat penting dalam karya sastera bagi meningkatkan daya tarikan artistik dan kesan emosi dalam karya tersebut. Hal ini demikian kerana karya sastera mampu membangkitkan emosi dalam diri pembaca supaya pembaca dapat memahami mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang. Pada masa yang sama, sesebuah karya juga berfungsi sebagai platform untuk bertukar-tukar pengalaman, meluahkan pendapat dan membentuk pemikiran kritis antara pengarang dengan pembaca.

Oleh itu, novel dapat dijelaskan sebagai sebuah karya kreatif hasil daripada kemampuan untuk berimaginasi dalam menceritakan kisah yang merangkumi pelbagai aspek seperti budaya, kemanusiaan, politik, kemasyarakatan dan ekonomi termasuklah gambaran sosial yang berkaitan dengan nilai setempat. Ketajaman imaginasi pengarang mengadunkan persoalan inovasi, ideologi, kesatuan, kreativiti tinggi dan sensitiviti terhadap persoalan dan konflik kemasyarakatan menjadikan novel yang dihasilkan oleh pengarang prolific tanah air memberikan impak terhadap penghasilan karya kreatif terutamanya dalam aspek emosi.

Siti Rosmizah Semail telah menghasilkan 12 buah novel antaranya termasuklah *Cukup Derita Itu*, *7 Hari Mencintaiku 2*, *Jangan Menangis Cinta* dan *Andai Itu Takdirnya*. Tujuh daripada novel nukilan beliau telah diterbitkan sebagai siri drama televisyen seperti *Dia Imamku*, *Lafazkan Kalimah Cintamu* serta *Takdir Itu Milik Aku*. Selain bergiat aktif dalam penghasilan novel, beliau juga menulis lirik lagu *Aku Bidadari Syurgamu* nyanyian Dato' Sri Siti Nurhaliza. Novel *Cukup Derita Itu* yang mempunyai 1170 muka surat mengisahkan sepasang kembar seiras, iaitu Ellana dan Ellani yang tinggal bersama-sama ibu saudara mereka, Mak Ngah Gayah selepas kematian ibu bapa. Meskipun mereka berdua adik-beradik kembar, namun layanan yang diberikan oleh Mak Ngah Gayah dengan membezakan kasih sayang menimbulkan pelbagai emosi dalam watak Ellana dan Ellani. Selain itu, tragedi yang berlaku ke atas Zarul Zafran telah menyebabkan berlakunya pelbagai konflik yang membawa kepada kemelut pergolakan emosi yang semakin parah.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Penulisan karya sastera yang menarik dilihat cukup penting, terutamanya bagi menarik minat masyarakat untuk membaca. Hal ini demikian kerana masyarakat kini terutamanya golongan muda kurang gemar membaca sebarang bahan bacaan. Mereka lebih gemar menggunakan telefon dan aplikasi dalam talian tanpa mengira waktu berbanding membaca hasil karya sastera. Dapatan kajian interim tabiat membaca rakyat Malaysia menunjukkan jenis bahan bacaan pilihan rakyat Malaysia seperti novel dan fiksiyen hanyalah sebanyak 47 peratus (Christina, 2019). Peratusan yang rendah ini didorong oleh faktor sikap segelintir masyarakat yang menganggap peminat atau penggiat sastera merupakan golongan yang ketinggalan dan suka berkhayal serta menganggap karya sastera hanya dipenuhi dengan gaya bahasa berbunga tanpa fungsi yang jelas (Muhamad Aniq dan Mohd Syuhaidi, 2020). Permasalahan ini timbul disebabkan oleh sikap mereka yang merasakan sastera itu hanyalah rekaan semata-mata sedangkan ayat-ayat yang diolah sebenarnya mempunyai makna, inti pati dan emosi yang mendalam. Perkara ini dikuatkan lagi oleh pernyataan daripada Faziela dan Nik Rafidah (2016), bahawa emosi yang wujud dalam penulisan karya sastera merupakan pemikiran dan imaginasi pengarang yang menyentuh mengenai nilai dan norma dalam kehidupan manusia. Sehubungan dengan itu, novel *Cukup Derita Itu* karya Siti Rosmizah Semail yang diterbitkan pada tahun 2021 oleh SR

Publication dilihat sebagai bahan yang menarik untuk dikaji dan dianalisis tentang bagaimana watak disaratkan dengan konflik dalam menghadapi dugaan. Kebanyakan tema yang cuba diungkapkan oleh Siti Rosmizah dalam karyanya berkisar tentang realiti kehidupan manusia yang diuji dengan pelbagai dugaan dan secara tidak langsung menimbulkan pelbagai emosi dan konflik. Lantaran itu, makalah ini akan memfokuskan emosi dan kesan emosi tersebut terhadap watak dalam novel *Cukup Derita Itu* berasaskan teori rasa-fenomenologi. Hasil analisis menjelaskan jenis dan kesan emosi yang dialami oleh watak yang terdapat dalam novel ini.

## **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Emosi ialah satu reaksi dalaman yang mempunyai kualiti ekspresif dan mempengaruhi pemikiran, perasaan dan tingkah laku individu (Khairul Azhar, 2014). Menurut kajian Muhammad Nor Sahfiq dan Mas Rynna Wati (2021), kewujudan emosi duka, berang dan wira mempunyai hubung kait dengan tindak tanduk individu. Hal ini seterusnya membawa kepada tindak balas luaran sama ada pada perubahan tingkah laku tubuh badan terkawal atau tidak terkawal. Kegagalan mengawal emosi dengan baik bukan sahaja akan memberikan kesan kepada diri bahkan juga keadaan sekeliling. Kajian mereka menemukan ketiga-tiga rasa duka, berang dan wira dalam perwatakan Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah*. Nordiana (2014) dalam kajiannya menyatakan bahawa dalam sesebuah karya sastera, evolusi emosi turut dirasai oleh pembaca dan secara tidak langsung memberikan kesan emosi kepada pembaca. Kepelbagaian emosi yang ditonjolkan oleh pengarang seperti emosi duka, benci dan berahi bersesuaian dengan ekspresi sastera dan secara tidak langsung mewujudkan unsur estetika dalam sesebuah karya. Pendekatan estetika dilihat sebagai suatu nilai yang tidak boleh dipisahkan daripada sebuah karya sastera. Hal ini demikian kerana karya sastera merupakan pancaran akal budi dan gugusan idea seorang pengkarya yang disampaikan melalui daya kepengarangannya (Muharroni, 2016).


## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini berbentuk kualitatif untuk mencapai objektif kajian dengan mengaplikasikan kajian kepustakaan dan analisis teks. Analisis teks dibuat berdasarkan novel *Cukup Derita Itu* karya Siti Rosmizah Semail. Data-data yang diperoleh secara deskriptif ini adalah untuk menjawab

persoalan kajian yang berkaitan dengan analisis unsur emosi yang terdapat dalam novel tersebut. Prosedur pengumpulan data diteruskan dengan proses penelitian, pengkategorian data, penjadualan dan penghuraian. Proses penelitian ini melibatkan pembacaan bab demi bab terhadap novel yang dikaji bagi memahami jalan ceritanya. Proses seterusnya adalah dengan mengenal pasti unsur emosi yang diketengahkan dalam novel ini. Selepas itu, pengkategorian data dilakukan oleh pengkaji berdasarkan emosi yang diperoleh dan data yang ditemukan dikategorikan dalam bentuk jadual. Hal ini demikian kerana kaedah ini dapat membantu pengkaji serta pembaca untuk memahami data yang diperoleh dengan mudah serta jelas. Teori rasa-fenomenologi oleh Sohaimi (1998) digunakan untuk menganalisis emosi watak dalam novel ini. Pemilihan teori ini adalah kerana teori ini mampu menghuraikan unsur emosi yang terdapat dalam sesebuah karya dan penghuraian nilai estetika sehingga menimbulkan emosi yang pelbagai dalam kalangan pembaca.

## TEORI

Teori rasa-fenomenologi yang terbina hasil daripada kombinasi dan penyesuaian dua buah teori estetik yang berasal dari timur (India) dan barat. Teori-teori yang dimaksudkan itu ialah teori rasa dhvani dan teori estetik fenomenologi yang dipelopori oleh Sohaimi Abdul Aziz (1998). Dalam teori rasa-fenomenologi, manusia digambarkan memiliki tujuh emosi tetap dalam minda bawah sedar mereka, iaitu emosi dahsyat, kagum, duka, berang, wira, berahi dan benci. Namun begitu, kajian ini akan menfokuskan emosi duka, berahi dan benci seperti dalam Rajah 1.



**Rajah 1** Teori rasa-fenomenologi yang diteliti dalam kajian ini.

Kajian ini membataskan tiga aspek emosi sahaja untuk dianalisis, iaitu emosi duka, berahi dan benci kerana tiga aspek rasa ini dilihat dominan dalam watak Ellani, Zarul, Mak Ngah Gayah dan Datin Mahani. Di samping itu, kewujudan tiga emosi ini memberikan kesan kepada pembaca dari segi perubahan emosi, pemikiran dan tanggapan. Hal ini demikian kerana pembacaan terhadap sesebuah karya melibatkan tiga proses utama. Proses pertama melibatkan pemindahan (transformasi) emosi tetap menjadi emosi estetik. Proses emosi tetap dan karya bagi proses ini akan terjadi secara serentak dalam minda pembaca yang aktif. Kedua, pemindahan (transformasi) teks sastera yang dibaca menjadi persepsi estetik dan persepsi literal. Kedua-dua persepsi ini saling berkait kerana sesebuah karya sastera mampu merangsang imaginasi dan emosi tetap pembaca. Manakala unsur ketiga berkaitan dengan kesedaran biasa dalam diri pembaca bertukar menjadi kesedaran estetik yang dihidupkan kembali secara reflektif menerusi memori (Norazimah dan Mazarul, 2020). Sohaimi (1998) menegaskan bahawa perubahan inilah yang menghasilkan nikmat estetik yang bersifat universal dan sensual. Pengalaman daripada menghayati pembacaan karya tersebut merupakan sesuatu yang bernilai dan pembaca turut merasakan nilai estetikanya, iaitu keindahan serta emosi yang digarap dengan kemas dalam karya tersebut. Setiap emosi yang diperkenalkan oleh Sohaimi memberikan impak dan sudut pandangan yang berbeza kepada pembaca kerana perasaan merupakan sesuatu yang abstrak.

## **UNSUR EMOSI**

Emosi merupakan pelahiran emosi naluri seperti cinta, kegembiraan, rasa malu, kesedihan, ketakutan, dan sebagainya (Mohd Fadzli, 2005). Emosi sering dikaitkan dengan sensitiviti yang diungkapkan melalui tingkah laku atau cara tertentu untuk menyampaikan perasaan tersebut. Sensasi yang dominan ini akan mempengaruhi tindak balas luaran, melalui perubahan tingkah laku fizikal terkawal, seperti mimik muka dan juga perpeluhan yang tidak terkawal disebabkan oleh ketakutan dan goncangan badan, contohnya melibatkan emosi marah. Sekiranya seseorang itu tidak dapat mengawal emosinya dengan baik, terutamanya emosi yang negatif, hal tersebut turut memberikan kesan kepada individu tersebut dan juga persekitaran sekeliling pada hari kemudian (Norazimah dan Mazarul Hasan, 2020). Unsur emosi yang pelbagai ini menghasilkan kesan dramatik yang lebih berkualiti dan realistik. Unsur emosi yang wujud merupakan tindak balas kepada keupayaan serta kebijaksanaan pengarang membawa kronologi

sesuatu naratif penceritaan dengan sempurna. Aspek emosi watak dalam novel *Cukup Derita Itu* menarik untuk diberikan perhatian kerana pembaca dapat melihat sejauh mana tahap kesabaran dan ketabahan watak yang digarap oleh pengarang dalam menempuh onak ranjau kehidupan. Hal ini demikian kerana emosi merupakan elemen yang wujud dalam kehidupan.

Emosi yang digambarkan oleh pengarang ini bukan sahaja akan menyebabkan perubahan pada raut wajah dan tingkah laku, bahkan juga akan memberikan kesan dan tindak balas kepada persekitarannya. Jika emosi gembira yang wujud dalam diri individu, maka kebahagiaan akan terpancar di wajahnya. Begitu juga sebaliknya, jika peristiwa duka yang menimpa, emosi sedih akan dilontarkan kepada orang di sekelilingnya. Aspek emosi dalam sesebuah novel membantu pembaca untuk lebih memahami dan menghayati situasi yang berlaku dalam penceritaan sehingga adakalanya mampu mengundang empati dalam sanubari pembaca (Fatimah dan Jamilah, 2015). Perkara ini secara tidak langsung mampu mendidik pembaca untuk memahami dan menilai keadaan sosial masyarakat (Shahnon, 1989). Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan unsur emosi yang terdapat dalam novel *Cukup Derita Itu*. Hal ini demikian kerana karya sastera sewajarnya dipelihara kerana sastera merupakan sebuah lambang seni kehalusan masyarakat dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa pemikiran masyarakat Melayu dalam mengadaptasi alam sekeliling bagi menyampaikan maksud ataupun meluahkan perasaan menjadi cerminan jiwa dan raga masyarakat Melayu itu sendiri.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Emosi Duka**

Berdasarkan analisis, kajian mendapati bahawa terdapat peristiwa dalam novel *Cukup Derita Itu* yang berupaya memberikan kesan emosi duka kepada khalayak. Emosi duka yang diperoleh ini diukur bersandarkan kata penentu, emosi yang wujud serta contoh perkataan atau ayat yang digunakan oleh pengarang dalam novel seperti dalam Jadual 1.



**Jadual 1** Analisis bagi emosi duka.

<b>Petikan peristiwa novel <i>Cukup Derita Itu</i></b>	<b>Penentu</b>	<b>Emosi</b>	<b>Contoh ayat</b>
<p><u>Peristiwa 1</u></p> <p>Dia <b>menggoyang-goyangkan</b> badan emaknya. Namun tubuh emaknya masih jua kaku. <b>Dengan tangan yang menggigil</b> dia merasa hembusan nafas emaknya. <i>Tak</i> ada! Dada emaknya juga sudah tidak berombak. Ellani terus <b>meraung</b>. Namun raungan si yatim paitu itu tidak akan dapat menghidupkan emaknya semula. Puan Zaleha sudah kembali kepada penciptanya. (Siti Rosmizah, 2019:46)</p>	<p>menggoyang-goyangkan</p> <p>tangan yang menggigil</p> <p>meraung</p>	<p>duka</p>	<p>Dia <b>menggoyang-goyangkan</b> badan emaknya.</p> <p>Dengan <b>tangan yang menggigil</b> dia merasa hembusan nafas emaknya.</p> <p>Ellani terus <b>meraung</b>.</p>
<p><u>Peristiwa 2</u></p> <p>“Mirul <i>tak</i> cintakan aku, Wa. Dia <i>tak</i> pernah langsung sukakan aku. Ya Allah! Hancur hati aku <i>ni</i> Wa! Hancur hati aku! Rupanya selama ini dia tidak ada langsung perasaan pada aku. Kenapa dia tipu aku, Wa? Kenapa dia layan aku begitu baik selama ini? Aku <i>tak</i> perlukan simpati orang Wa, aku hanya <i>nakkan</i> kasih sayang. Apa, orang macam aku <i>tak</i> layak <i>ke</i> untuk dapat kasih sayang <i>tu</i> Wa? Buruk sangat <i>ke</i> perangai aku <i>ni</i>? Teruk sangat <i>ke</i> aku?” Ellani <b>teresak-esak</b> meluahkan rasa hatinya. Ellani terus <b>menangis</b> semahu-mahunya. Perlahan-lahan dia melorot ke lantai. Tubuhnya disandarkan di tepi singki. (Siti Rosmizah, 2019:118)</p>	<p>teresak-esak</p> <p>menangis</p>	<p>duka</p>	<p>Ellani <b>teresak-esak</b> meluahkan rasa hatinya. Ellani terus <b>menangis</b> semahu-mahunya.</p>

Petikan peristiwa novel <i>Cukup Derita Itu</i>	Penentu	Emosi	Contoh ayat
<p><u>Peristiwa 3</u></p> <p>Kau kena kuat Lana. Kau boleh sembuh. Kau jangan putus asa macam <i>ni</i>. Aku akan bantu kau. Aku <i>tak</i> akan biarkan kau sendiri Lana. Apa <i>pun</i> kita tetap adik-beradik. Aku sayang kau, Lana. Aku sayang kau.” Akhirnya tumpah jua <b>air mata</b> Ellani. Tangan Ellana terikat. Ellana <i>tak</i> boleh menerima kecacatan pada wajahnya. Puncanya dia bergaduh di kelab malam. Habis muka Ellana ditoreh dengan serpihan gelas pecah oleh seorang perempuan yang mengetahui Ellana menjalinkan hubungan sulit dengan tunangnya. Dan sekarang inilah jadinya. Ellana <i>tak</i> boleh menerima hakikat yang dirinya kini sudah tidak cantik lagi. (Siti Rosmizah, 2019:1156)</p>	air mata	duka	Akhirnya tumpah jua <b>air mata</b> Ellani.

Emosi duka membawa erti perasaan hati yang susah, sedih atau dukacita (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2023). Emosi duka berkait dengan peristiwa atau keadaan yang membawa kepada kedukaan dan kesengsaraan seperti kemalangan, kecelakaan, perpisahan, peperangan dan lain-lain (Sohaimi, 1998). Kesedihan yang melampau akan mendatangkan emosi kemurungan, depresi dan hilang semangat untuk hidup jika dialami terlalu lama dan boleh mendatangkan implikasi kepada kehidupan. Dalam Peristiwa 1, perkataan “*meraung*” merupakan tingkat tertinggi dalam emosi duka, yang membawa maksud tangis yang amat sedih. Emosi duka dalam novel *Cukup Derita Itu* bermula apabila watak Ellani meraung kerana kehilangan salah sebuah permata yang sangat berharga dalam hidupnya, iaitu ibunya sendiri dalam keadaan yang tidak dijangka sama sekali. Perbuatan meraung yang ditunjukkan oleh watak Ellani juga jelas menunjukkan sebuah perasaan yang terlalu sedih dan hiba sehingga sukar untuk menerima kenyataan yang sebenar terutamanya apabila melibatkan orang yang paling disayangnya. Menurut Kerlinger (1973), tindakan watak

yang meraung adalah supaya orang lain memberikan perhatian, empati dan sokongan akibat peristiwa yang menyedihkan.

Selain itu, dalam Peristiwa 1, perbuatan Ellani yang menggoyang-goyangkan badan ibunya juga menunjukkan emosi duka yang terlalu dalam. Tindakan Ellani ini berlaku disebabkan oleh ketidaksanggupannya untuk berpisah dengan ibunya yang sudah terkulai layu dan sedaya upaya mengejutkan sekujur tubuh itu agar bergerak kembali walaupun pada hakikatnya perbuatan yang dilakukan itu mustahil akan berhasil. Seterusnya, emosi duka juga dapat dilihat melalui keadaan tangan yang menggigil ketika Ellani mencuba untuk merasai pernafasan ibunya bagi membuktikan bahawa ibunya itu benar-benar sudah tiada ataupun sebaliknya. Keadaan tangan yang menggigil oleh watak adalah disebabkan oleh serangan panik yang dialami kerana tidak mahu menerima takdir yang ibunya telah meninggal dunia.

Emosi merupakan bentuk gejala perasaan yang diikuti oleh perubahan perilaku secara fizikal (Nadhiroh, 2017). Secara teknikalnya, perasaan yang dirasakan oleh seseorang itu dapat dizahirkan melalui perbuatan fizikal. Sebagai contoh, perasaan duka dapat ditonjolkan melalui perbuatan atau situasi yang sedih untuk menzahirkan emosi itu seperti teresak-esak menangis. Emosi duka yang ditunjukkan oleh watak Ellani kerana telah dikecewakan oleh watak Mirul yang telah dianggap seperti kekasih hatinya seperti dalam Peristiwa 2 meninggalkan kesan yang mendalam di hati pembaca. Ekspresi emosi duka ini terjadi kerana hatinya hancur berkecai akibat telah dikecewakan kerana percintaan yang rupanya bertepuk sebelah tangan. Perihal bertepuk sebelah tangan dan memendam perasaan merupakan suatu tindakan yang amat menyakitkan bagi seseorang. Perbuatan menangis teresak-esak oleh watak Ellani menunjukkan bahawa watak sedang mengalami emosi duka yang amat mendalam. Hal ini demikian kerana tindakan watak menangis teresak-esak merupakan salah satu medium untuk menyampaikan mesej kepada orang lain bahawa dia berada dalam kesusahan dan memerlukan bantuan (Cornelius & Lubliner, 2003; Nelson, 2005).

Seterusnya emosi duka yang terdapat dalam novel *Cukup Derita Itu* digambarkan melalui tindakan watak Ellana yang berada dalam kesedihan apabila melihat keadaan kembarnya seperti dalam Peristiwa 3. Ellana berubah menjadi orang yang kurang waras kerana kecacatan kekal pada wajahnya setelah ditoreh dengan serpihan gelas pecah oleh seorang perempuan yang mengetahui Ellana menjalinkan hubungan sulit dengan tunangnya. Tindakan mengalirkan air mata itu jelas menunjukkan bahawa

seseorang itu berada dalam keadaan yang sedih walaupun pada hakikatnya perbuatan menjatuhkan air mata itu juga boleh menzahirkan emosi gembira. Namun jika dilihat daripada konteks peristiwa ini, perasaan yang cuba ditonjolkan ialah emosi duka. Emosi duka juga bukan sahaja tergambar daripada tindakan bukan verbal tetapi juga dapat dilihat melalui tindakan verbal. Walaupun watak Ellana selalu berbuat jahat terhadap Ellani, namun Ellani masih menyayangi saudara kembarnya itu dan tidak sampai hati melihat keadaan Ellana yang merupakan satu-satunya ahli keluarganya setelah ketiadaan ibu bapa mereka. Melihat kepada kecacatan yang dihadapi oleh Ellana akibat perbuatannya sendiri, Ellani berjanji untuk membantu dan merawat Ellana sehingga dia sembuh seperti dahulu. Emosi duka yang dirasakan oleh Ellani terhadap kejadian yang menimpa Ellana dapat dilihat melalui pernyataan “Aku akan bantu kau. Aku tak akan biarkan kau sendiri Lana. Apa pun kita tetap adik-beradik. Aku sayang kau, Lana. Aku sayang kau.” Ujaran tersebut dilontarkan oleh Ellani dalam keadaan yang sedih kerana tidak sampai hati melihat keadaan kembarnya itu. Selain itu, watak Ellana dalam Peristiwa 3 juga menepati ciri-ciri emosi duka melalui monolog dalam, iaitu “Ellana tak boleh menerima hakikat yang dirinya kini sudah tidak cantik lagi, apabila keadaan yang dialaminya kini tidak sama lagi seperti dahulu”. Penggunaan monolog dalam ini oleh pengarang adalah untuk menghasilkan empati menerusi watak.

### **Emosi Berahi**

Emosi berahi merupakan perasaan cinta yang lahir akibat daripada kasih dan sayang. Berahi didefinisikan sebagai kasih (cinta) yang amat sangat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015). Selain itu, emosi berahi juga ditafsirkan sebagai suatu perasaan yang lebih kepada hubungan intim namun istilah berahi itu sendiri membawa maksud perasaan kasih, sayang, cinta, gembira, bahagia dan suka. Perasaan ini akan tercetus apabila sesuatu perkara yang menyenangkan hati berlaku seperti jatuh cinta, menerima hadiah, mendapat berita gembira dan lain-lain. Emosi berahi ini dapat dilihat dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Analisis bagi emosi berahi.

Petikan peristiwa novel <i>Cukup Derita Itu</i>	Penentu	Emosi	Contoh ayat
<p><u>Peristiwa 4</u></p> <p>“Malam ini dengan hati yang tulus suci abang <i>nak</i> melamar Lana. Abang <i>nak</i> beritahu yang abang <i>dah jatuh cinta</i> dengan Lana <i>masa</i> mula-mula kita jumpa dulu. Dan sejak hari itu abang <i>tak</i> boleh lupakan Lana. Hanya Lana yang ada di hati ini.</p> <p>Sudi <i>ke</i> Lana jadi isteri abang?” (Siti Rosmizah, 2019:85)</p>	<p>jatuh cinta</p>	<p>berahi</p>	<p>Abang <i>nak</i> beritahu yang abang <i>dah jatuh cinta</i> dengan Lana <i>masa</i> mula-mula kita jumpa dulu”</p>
<p><u>Peristiwa 5</u></p> <p>Dengan penuh kasih, Zarul <b>mencium dahi</b> isterinya. Terasa hilang segala bebanan di kepalanya. Ini isterinya dan inilah juga kekasihnya. Kalau diikutkan hati, <i>nak</i> dipeluk <i>aje</i> Ellani waktu ini. Heiii... sayangnya...“Terima kasih sayang. Abang bahagia sangat hari <i>ni</i>. Lani <i>dah</i> sah jadi isteri abang,” ucap Zarul lalu duduk di sebelah isterinya. Kemudian tangan isterinya dipegang. (Siti Rosmizah, 2019:388)</p>	<p>mencium dahi</p>	<p>berahi</p>	<p>Dengan penuh kasih, Zarul <b>mencium dahi</b> isterinya.</p>
<p><u>Peristiwa 6</u></p> <p>“Lani <i>pun</i> <b>sayang</b> abang. Kasih Lani pada abang <i>tak</i> akan berubah, walau dilanda badai, walau dilanda gelombang. Lani akan tetap setia di sisi abang hingga ke akhir kalam.” Ellani memberikan ikrar janjinya. Berderai air mata Ellani. Air mata suaminya turut menitis sama. Inilah air mata gembira.</p>	<p>sayang</p>	<p>berahi</p>	<p>Lani <i>pun</i> <b>sayang</b> abang. Kasih Lani pada abang <i>tak</i> akan berubah, walau dilanda badai, walau dilanda gelombang. Lani</p>

Petikan peristiwa novel <i>Cukup Derita Itu</i>	Penentu	Emosi	Contoh ayat
Inilah air mata bahagia. (Siti Rosmizah, 2019:1170)			akan tetap setia di sisi abang hingga ke akhir kalam.

Dalam Peristiwa 4, pernyataan yang dilontarkan oleh Zarul “abang nak beritahu yang abang dah jatuh cinta dengan Lana masa mula-mula kita jumpa dulu” jelas membuktikan bahawa emosi berahi terhadap seseorang itu boleh berlaku kepada sesiapa sahaja apabila berjumpa dengan insan yang disukai dan dikasihi. Perpisahan antara manusia juga boleh menimbulkan emosi berahi apabila perpisahan tersebut disulam dengan perasaan menaruh harapan (Sohaimi, 1998). Dalam novel *Cukup Derita Itu*, perasaan berahi dapat dizahirkan dalam pelbagai bentuk dan situasi yang berlaku. Hal ini dibuktikan melalui garapan pengarang yang menunjukkan bahawa emosi berahi terhadap seseorang itu boleh hadir dalam pelbagai bentuk tanpa perlu menunggu masa yang lama. Berdasarkan Peristiwa 5, dapat dilihat bahawa perasaan ingin memiliki seseorang itu wujud terutamanya apabila melibatkan emosi cinta antara lelaki dengan perempuan. Emosi berahi yang lahir antara Zarul dengan Lana ini mewujudkan sekumpulan emosi serta perilaku yang hadir dengan perasaan kasih sayang, daya tarik dan kepercayaan, dan seterusnya menjadikan kedua-dua watak tersebut menjadi lebih tenang dan bahagia.

Tindakan watak Zarul yang mencium dahi isterinya dalam Peristiwa 5 menimbulkan perasaan kasih dan sayang antara Zarul dengan Ellani. Ciuman di dahi ini dikaitkan dengan emosi seseorang yang terlalu dekat antara satu sama lain selain tempat kedudukan terhasilnya hormon kasih sayang (Wan Amy, 2021). Perasaan kasih dan sayang Zarul terhadap Ellani semakin bertambah setelah dia berjaya memiliki Ellani sebagai teman hidupnya dan merasakan kehidupannya kini telah lengkap. Emosi berahi ini juga dapat hadir dalam pelbagai keadaan dan hubungan lebih-lebih lagi apabila melibatkan hubungan antara suami dengan isteri. Hal ini ditunjukkan melalui tindakan Zarul mengenggam erat tangan isterinya.

Emosi berahi ini juga digambarkan melalui ujaran “Lani pun sayang abang. Kasih Lani pada abang tak akan berubah, walau dilanda badai, walau dilanda gelombang. Lani akan tetap setia di sisi abang hingga ke akhir kalam” terhadap suaminya, Zarul. Kata-kata “sayang” dan “walau

dilanda badai, walau dilanda gelombang” dalam Peristiwa 6 jelas menunjukkan ketulusan hati Ellani sehingga menyebabkan air matanya tumpah kerana terlalu kasih akan suaminya itu. Ellani mengucapkan ikrar janji setia terhadap suaminya, iaitu “setia di sisi abang hingga ke akhir kalam” membuktikan kesetiiaannya untuk selalu berada di sisi suaminya selagi suaminya masih menyayanginya. Tindakan dan ujaran watak yang sangat kasih akan suaminya itu menunjukkan ciri-ciri emosi berahi.

### Emosi Benci

Sifat benci atau kebencian merupakan satu lambang yang menunjukkan emosi yang sangat kuat dalam melahirkan perasaan tidak puas hati terhadap sesuatu perkara atau peristiwa. Emosi benci boleh terbentuk dalam fikiran seseorang itu apabila terdengar sesuatu perkara yang mendatangkan emosi yang tidak selesa, kotor, jijik atau mendatangkan musibah (Azizi, 2007). Emosi benci ini akan menyebabkan kewujudan perasaan untuk menghindari, menghilangkan atau menghancurkan dalam diri seseorang itu. Hal ini dapat dilihat dalam Jadual 3:

**Jadual 3** Analisis bagi emosi benci.

Petikan peristiwa novel <i>Cukup Derita Itu</i>	Penentu	Emosi	Contoh ayat
<p><u>Peristiwa 7</u></p> <p>“Ni... ni... mulut <b>celupar ni! Biadap!</b> Pandai <i>nak</i> laga-lagakan orang! Kenapalah <i>kau tak mampus</i> ikut <i>mak</i> kau! <i>Kau</i> ni memang menyusahkan aku! Aku doa sangat-sangat <b>cepatlah kau mati!</b>” makinya lagi. Berbirat-birat muka Ellani ditamparnya. <i>Tak</i> cukup dengan itu, rambut Ellani ditarik sekuat hatinya. Penyapu di tangan Ellani direntap dengan kasar dan tanpa belas kasihan, penyapu itu dilibas-libas sekuat hati ke badan Ellani. Mak Ngah Gayah benar-benar sudah tidak dapat mengawal dirinya. (Siti Rosmizah, 2019:173)</p>	<p>mulut celupar, biadap, mampus, menyusahkan aku, cepatlah kau mati</p>	<p>Benci</p>	<p><i>Ni... ni... </i>mulut <b>celupar ni! Biadap!</b></p> <p>Kenapalah <i>kau tak mampus</i> ikut <i>mak</i> kau!</p> <p><i>Kau</i> ni memang menyusahkan aku! Aku doa sangat-sangat <b>cepatlah kau mati.</b></p>

Petikan peristiwa novel <i>Cukup Derita Itu</i>	Penentu	Emosi	Contoh ayat
<p><u>Peristiwa 8</u></p> <p>Manusia apa pulak <i>ni</i>? Mana pergi hati dia <i>bang</i>? Dia boleh tengok <i>aje</i> bila orang dera, orang seksa adik dia! Hei, Lani itu adik <i>kaulah</i>! Kenapa <i>kau</i> tak tolong dia? Kenapa <i>kau</i> boleh tinggalkan dia dekat rumah macam <i>tu aje</i>? Memang <i>tak</i> gunalah <i>kau ni</i>! Aku tak ingin <i>kau</i> jadi menantu aku! Kalau Zarul pilih <i>kau jugak</i>, aku akan buang dia jadi anak aku! Aku takkan maafkan <i>kau</i>, Gayah! Macam <i>tu</i> jugak <i>kau</i>, Lana, <b>sampai aku mati pun aku takkan maafkan korang!</b>” pekik Datin Mahani sekuat hatinya. (Siti Rosmizah, 2019:203)</p>	<p>sampai aku mati <i>pun</i> aku takkan maafkan <i>korang</i></p>	<p>Benci</p>	<p>Macam <i>tu</i> jugak <i>kau</i>, Lana, <b>sampai aku mati pun aku takkan maafkan korang.</b></p>
<p><u>Peristiwa 9</u></p> <p>Zarul memegang botol susu anak-anaknya. Kelihatan tenang riak wajahnya. Sakit hati Ellani melihatnya. Bukan sekejap dia terpaksa berpisah dengan anak-anaknya. <b>Kalau ikutkan muka lelaki <i>ni tak</i> ingin dipandangnya.</b> Tapi <i>nak</i> buat macam mana. Demi anak-anak dia terpaksa akur juga. Ellani <i>tak</i> layan <i>pun</i> lelaki itu masa berjumpa di pejabat agama. Benci! Apatah lagi dia terpaksa tinggal di rumah bekas mentuanya, dalam tempoh proses rujuk itu lengkap bagi membolehkan suaminya kembali semula pada dia. (Siti Rosmizah, 2019:992).</p>	<p>muka lelaki <i>ni tak</i> ingin dipandangnya</p>	<p>Benci</p>	<p><b>Kalau ikutkan muka lelaki <i>ni tak</i> ingin dipandangnya.</b></p>



Dalam konteks Peristiwa 7, perbuatan Mak Ngah mengeluarkan kata-kata kesat, iaitu “*mulut celupar*”, “*biadap*”, “*mampus*”, “*menyusahkan aku*”, dan “*cepatlah kau mati*” jelas menunjukkan perasaan kebencian yang meluap-luap. Ujaran kata-kata kesat ini disebabkan oleh emosi marah akibat rasa tidak puas hati Mak Ngah terhadap Ellani yang kononnya memburuk-burukkan dirinya di hadapan orang lain sehingga dia dituduh selalu mendera anak saudaranya. Tindakan mengeluarkan kata-kata kesat ini dianggap normal kerana apabila seseorang marah, akan wujud lonjakan tenaga yang disusuli reaksi tertentu sama ada boleh dilihat menerusi fizikal, verbal atau pemikiran dengan tujuan menyakiti hati orang yang dimarahi (Nurul Husna, 2023). Tidak cukup dengan kata-kata cacian dan hinaan yang dilontarkan terhadap Ellani, Mak Ngah Gayah turut bertindak menampar muka Ellani berulang kali hingga berbirat tanpa belas kasihan. Kebencian ini digambarkan lagi oleh pengarang dengan tindakan watak Mak Ngah menarik rambut Ellani dengan kuat, merentap penyapu dari tangannya dan menggunakan penyapu tersebut untuk memukul Ellani semahunya. Hal ini membuktikan emosi marah mendorong kepada perubahan fisiologi seperti meningkatnya detak jantung, menyebabkan penghasilan hormon serta membangkitkan tenaga untuk bertindak secara luar biasa (Muhammad Nor Sahfiq dan Mas Rynna Wati, 2021).

Peristiwa 7 jelas menunjukkan bahawa apabila emosi benci dan marah itu timbul dalam diri seseorang individu, maka hilanglah perasaan belas kasihan atau simpati terhadap insan lain. Hal ini demikian kerana watak yang sedang marah dalam peristiwa ini akan mencari cara untuk melepaskan emosi benci dan amarahnya terhadap orang yang tidak disukainya itu walaupun insan-insan tersebut mempunyai pertalian darah dengan dirinya. Emosi marah yang keterlaluan ini akan menyebabkan individu berkemampuan untuk menghancurkan objek yang menjadi sasaran kebencian (Rahmah Purwahida dan Risya Shabrina, 2020).

Sementara dalam Peristiwa 8, emosi benci turut diterapkan dalam watak Datin Mahani apabila beliau mendapat berita daripada sahabat baik Ellani yang memberitahunya bahawa Ellani dimasukkan ke hospital akibat dipukul dan didera oleh Mak Ngah. Sejurus mendengar berita tersebut, emosi marah yang semakin meluap-luap menyebabkan Datin Mahani telah mengeluarkan kata-kata “*Memang tak gunalah kau ni*” dan “*Kalau Zarul pilih kau jugak, aku akan buang dia jadi anak aku*”. Selain itu, percakapan yang dituturkan dengan cara yang kasar dan meninggikan suara menunjukkan bahawa emosi yang cuba dizahirkan itu merupakan emosi benci dan meluat terhadap orang yang tidak disukainya. Berdasarkan huraian dalam jadual,

watak yang terlibat dalam peristiwa tersebut meluahkan emosi bencinya melalui tindakan dan tutur kata untuk melukai fizikal ataupun mental orang yang tidak disukainya. Emosi benci ini terjadi kerana perasaan marah tidak dapat dibendung dan ditahan sehingga watak merasakan perlu melakukan sesuatu untuk memenuhi emosi benci yang telah menguasainya (Rahmah Purwahida dan Risya Shabrina, 2020).

Emosi benci juga boleh hadir dalam diri seseorang apabila berhadapan dengan perkara yang tidak disukai dan tidak boleh diterima (Sohaimi, 1998). Berdasarkan Peristiwa 9, emosi benci itu digambarkan melalui perbuatan membantah dan menarik muka yang dilakukan oleh Ellani apabila melihat suaminya. Perasaan benci terhadap Zarul semakin meluap-luap apabila berkenangkan kembali perbuatan yang telah dilakukan oleh lelaki itu terhadap dirinya dulu. Emosi benci ini adalah disebabkan oleh dendam yang sudah lama disimpan oleh Ellani. Namun, perasaan benci yang dirasakannya ketika itu perlu dipendam dahulu demi kebaikan anak-anaknya. Tindakan yang diambil oleh watak Ellani ini menunjukkan bahawa kemarahan dan kebencian tidak akan memperbaiki apa-apa, sebaliknya mungkin hanya akan membuat keadaan lebih teruk (Madiha, 2020).

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, hasil penelitian dapat merungkai tiga unsur emosi, iaitu emosi duka, berahi dan berahi yang dialami oleh watak berdasarkan novel *Cukup Derita Itu*. Kewujudan ketiga-tiga emosi ini berkembang dengan sempurna dalam novel ini dan berupaya meruntun dan menerbitkan kesan dalam jiwa pembaca, dan secara tidak langsung memberikan kesan keindahan dan pengalaman estetik kepada pembaca sewaktu membaca novel *Cukup Derita Itu*. Pembaca dapat merasakan emosi duka seperti yang digarap oleh pengarang melalui watak Ellani. Manakala melalui watak Zarul, pengarang mampu menerbitkan rasa berahi dalam penulisannya dan seterusnya melalui garapan watak Mak Ngah Gayah, Datin Mahani dan Ellani, pengarang berupaya menimbulkan emosi benci dalam kalangan pembaca. Pengarang berjaya mengadunkan penceritaan dengan baik kerana ketiga-tiga emosi ini bukan sahaja dapat menarik pembaca merasai sesuatu dunia itu dengan sendirinya melalui unsur emosi yang digarap oleh pengarang, bahkan membolehkan khalayak pembaca mengambil iktibar daripada watak-watak yang terdapat dalam novel tersebut.

## PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

## RUJUKAN

- Azizi Abdullah. (2007). *Memoir seorang guru*. ALAF 21 Sdn. Bhd.
- Christina Lian. (2019, 15 Jun). *Kenapa pelajar kurang membaca?* Suara Sarawak. <https://suarasarawak.my/kenapa-pelajar-kurang-membaca/>
- Cornelius, R. R., & Lubliner, E. (2003). *What and why of others' responses to our tears: Adult crying as an attachment behavior*. [Paper presentation]. Third international conference on the (Non) Expression of Emotions in Health and Disease, Tilburg, The Netherlands.
- Fatimah Saidin & Jamilah Ahmad. (2015). Kesan pembacaan novel kepada remaja di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 13(2). <https://iyres.gov.my/en/malaysian-journal-of-youth-studies-2019/2015/200-vol-13-disember/1666-kesan-pembacaan-novel-kepada-remaja-di-malaysia>
- Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Unsur konflik dalam novel remaja terpilih. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 6(1), 52–63.
- Kamus Dewan*. (2015). Edisi keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerlinger, F. N, (1973). *Foundations of Behavioral Research* (Edisi kedua). Holt, Rinehartand, & Winston.
- Khairul Azhar Idris. (2014, 16 Jan). *Psikologi dan pengurusan emosi Rasul SAW*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2014/01/16/psikologi-dan-pengurusan-emosi-rasul-saw/>
- Laurenson, D. & Swingerwoods, A. (1973). *The sociology of literature*. The Penguin Press.
- M. Jandra (2010). Fenomena karya sastera novel berdimensi Islam dan perkembangannya dalam masyarakat nusantara. *Jurnal Pengajian Melayu*, 21, 96–110.
- Madiha Abdullah (2020, 18 Ogos). *Mudah naik marah? 5 tips bantu anda bertenang*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/mudah-naik-marah-5-tips-bantu-anda-bertenang-249724>.
- Mohd Fadzli Abu Bakar. (2005). *Perkembangan emosi warisan dan persekitaran*. [http://eprints.utm.my/id/eprint/6308/1/bab\\_11.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/6308/1/bab_11.pdf)
- Mohd Ruslee Mohd Salleh (2012). *Genre kesusasteraan Melayu dalam bahasa Melayu*. Penerbit IPGM Kampus Kota Bharu.
- Muhamad Aniq Azlan & Mohd Syuhaidi Abu Bakar. (2020). Persepsi dan motivasi khalayak untuk membaca karya sastera dalam akhbar bercetak. *Forum Komunikasi*, 14(2), 91–115.

- Muhammad Nor Sahfiq Amran & Mas Rynna Wati Ahmad (2021). Rasa emosi Hang Jebat dalam Hikayat Hang Tuah. *Jurnal Melayu*, 20(2), 267–281.
- Nadhiroh, Y. F. (2017). Pengendalian emosi. *Saintifika Islamica: Jurnal Kajian Keislaman*, 2(01), 53–62.
- Nelson, T. D. (2005). Ageism: Prejudice against our feared future self. *Journal of Social Issues*. 61(2), 207–221.
- Nurul Husna Mahmud. (2023). *Mengurus amarah*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/08/740762/mengurus-amarah>.
- Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. (2020). Citra emosi wanita dalam cerpen dan rasa kepada khalayak. *International Journal of Social Science Research*, 2(1), 121–133. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/ijssr>
- Nordiana Hamzah. (2014). *Evolusi emosi novel Zaharah Nawawi*. [Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=duka>
- Shahnon Ahmad. (1989). *Gubahan novel*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Rosmizah Semail. (2019). *Cukup derita itu*. Siti Rosmizah Publication Sdn. Bhd.
- Rahmah Purwahida dan Risyah Shabrina. (2020). Kategorisasi emosi tokoh utama “Nicky” dalam *Winter Dreams* karya Maggie Tiojakin: Kajian psikologi sastra. *Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastra, dan Budaya*. 7(1),167–179.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1998). *Rasa fenomenologi: Penerapan terhadap karya A. Samad Said*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Amy. (2021, 20 Februari). *Cium anak, biasakan di dahi & kepala. Situlah terhasilnya hormon kasih sayang terbaik! Pa & Ma*. <https://www.majalahpama.my/cium-anak-biasakan-di-dahi-kepala-situlah-terhasilnya-hormon-kasih-sayang-terbaik/>.